

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 28.3.2018 (RABU)

SOALAN :

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian bagi menyelesaikan isu tandas yang diletakkan sedikit tersisih dari bangunan utama atau laluan orang ramai bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku kepada murid-murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Aspek keselamatan dan kesejahteraan murid merupakan perkara yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2011: Pengurusan Keselamatan Murid di Sekolah. Surat pekeliling ini mengingatkan semua pihak pengurusan sekolah supaya sentiasa berwaspada terhadap kemungkinan-kemungkinan yang boleh menyebabkan berlakunya kejadian yang tidak diingini kepada keselamatan murid-murid serta mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengelakkannya. Justeru, tandas atau mana-mana kawasan sekolah yang terselindung/tersembunyi akan sentiasa

diawasi, dibaiki atau dilengkapi dengan ciri-ciri/tanda keselamatan. Sekiranya perlu, pihak sekolah akan mengisytiharkan kawasan yang berisiko sebagai kawasan larangan.

RJM77